

KOSMO!

UMPSA perhebat fasiliti pelajar

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI, 24 Februari 2025, 8:16 am



DR. YATIMAH mengunjungi fasiliti dobi berpusat yang bakal membantu pelajar dalam pencucian pakaian.

CAKNA terhadap kebijakan pelajar, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) melancarkan tiga inisiatif perkhidmatan pelajar di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) baru-baru ini. Inisiatif perkhidmatan pelajar yang diusahakan itu dilihat akan memberi manfaat kepada para pelajar di Gambang, Pahang. Ia termasuklah dobi berpusat, gimnasium dan dapur siswa yang dilengkapi dengan kelengkapan memasak bagi membolehkan pelajar berkreativiti menyediakan makanan sendiri. Naib Canselornya, Prof. Dr. Yatimah Alias berkata, inisiatif perkhidmatan pelajar yang dijalankan akan membantu para pelajar dalam pelbagai...